

Tapak warisan baharu diiktiraf UNESCO

Tapak warisan baharu diiktiraf UNESCO

RIYADH

Pada awal minggu lalu, Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mengumumkan senarai baharu kira-kira 42 lokasi termasuk di Asia pada sesi berterusan Jawatankuasa Tapak Warisan Dunia yang berlangsung di ibu kota Arab Saudi dan dijadualkan berakhir pada Ahad.

La dipilih berdasarkan senara pencalonan global yang dikemukakan pada 2022 dan 2023 yang mungkin bakal menyaksikan penambahan lokasi lain.

Pelbagai kota dan tinggalan sejarah unik di Eropah tersenarai pada kali ini selain tapak warisan sedia ada menyaksikan pengubahsuaian ketara iaitu kawasan sempadan mereka diperluaskan lagi seperti Hutan

Kering Andrefana di Madagascar dan Kepulauan Cat Ba di Teluk Ha Long di Vietnam.

Bagaimanapun, tiada lokasi baharu diumumkan di United Kingdom (UK) walaupun kerajaan pada April lalu memaklumkan ia menyokong pengiktirafan tujuh tapak termasuk bandar katedral York, Little Cayman Marine Parks dan Zenith of Iron Age Shetland.

Jawatankuasa itu turut menetapkan beberapa syarat untuk melayakkkan sesebuah lokasi menjadi Tapak Warisan Dunia.

Antaranya ia perlu mempunyai nilai universal luar biasa dan memenuhi salah satu daripada 10 kriteria seperti memperkenan pertukaran nilai manusia yang penting, dalam tempoh tertentu, jangka masa atau dalam kawasan budaya dunia'.

Berikut antara lokasi yang disenaraikan oleh UNESCO pada kali ini. - Agensi



INDONESIA

Sumbu Filosofis Axis Yogyakarta.




MONGOLIA

Monumen Batu Rusa dan lokasi tinggalan Zaman Gangsa.



KEMBOJA

Koh Ker: Tapak Arkeologi Lingapura Purba atau Chok Gargyar.




Landskap Budaya Hutan Teh Lama Gunung Jingmai di Pu'er.

CHINA



TURKIYE

Masjid Kayu warisan seni bina Anatolia.



KOREA SELATAN

Makam Tujuh Kluster Gaya Tumuli.




PALESTIN

Kota purba Jericho/ Tell es-Sultan.



ARAB SAUDI

Gurun Uruq Bani Ma'arid.



THAILAND

Kota Purba Si Thep bersama Monumen Dvaravati.